

Vivy mahu bantu perkasa wanita

SETIAP wanita mempunyai keistimewaan dan kekuatan tersendiri yang perlu dibangunkan.

Justeru dipilih sebagai salah seorang ikon Tahun Memperkasakan Wanita 2018 (TMW18), **Datin Vivy Yusof**, sudah bersedia menggalas tanggungjawab yang diberikan kerajaan untuk membantu dan memperkasakan wanita.

"Sejujurnya, sudah lama kerajaan mewujudkan pelbagai inisiatif yang berterusan kepada wanita khususnya belia, namun ramai yang tidak tahu dan memberi perhatian dengan apa yang diusahakan.

"Dengan memberi penjenamaan bagi inisiatif terbaharu kepada wanita ini, di samping pelantikan beberapa ikon untuk mempromosi usaha tersebut, saya berharap wanita dalam segenap lapisan masyarakat tidak melepaskan peluang untuk turut terlibat dalam program-program yang akan dijalankan oleh mana-mana institusi bawah kementerian bukan sahaja di kawasan bandar, malah diperluaskan ke kawasan luar bandar.

"Dengan pelantikan ini juga saya sendiri akan melakukan inisiatif membantu lebih ramai wanita bagi memperbaiki kehidupan mereka.

"Saya mahu melihat lebih ramai wanita berjaya dan menggapai impian mereka," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran produk Mora di butik FashionValet, di Bangsar, Kuala Lumpur semalam.

Menurut Vivy lagi, tidak ada bezanya wanita zaman dahulu dan hari ini kerana golongan itu sentiasa mempunyai semangat berkobar-kobar, nilai yang tinggi dan sentiasa mahu bekerja keras.

Cuma bezanya, wanita masa kini lebih terdedah kepada dunia luar terutama media sosial, membuatkan suara mereka boleh didengari dan memudahkan untuk mencari lebih banyak peluang bagi mencipta kejayaan.

Katanya, tidak kira sama ada wanita itu terkenal atau tidak, orang penting mahupun orang biasa, asalkan seseorang itu mempunyai akaun media sosial, suara mereka akan didengari.

Namun, jika disalahgunakan,

ia boleh memberi impak negatif yang menjadi satu cabaran kepada wanita.

"Apabila platform sudah ada, wanita hanya perlu bersaing dan berusaha untuk menjadi yang terbaik. Apabila sudah melakukan sesuatu perkara, jangan pandang ke belakang, terus lakukan apa yang anda inginkan.

"Buktikan kepada masyarakat bahawa kita juga mempunyai keupayaan yang tinggi, bukan sahaja untuk membangunkan ekotomi keluarga malah kepada negara," katanya.

Dalam pada itu, Vivy akui wanita yang berjaya di Malaysia bukan sekadar usahawan, selebriti atau mereka yang terlibat dalam industri fesyen semata-mata.

Sebaliknya, negara mempunyai ahli akademik, budayawan, ahli sains, arkitek, sukarelawan dan ramai lagi, yang telah mendapat pengiktirafan serta mencipta nama di persada dunia.

Malangnya, kehadiran mereka tidak disedari masyarakat, mungkin disebabkan kurangnya pendedahan.

Jadi dengan adanya TMW18, mereka ini boleh dibawa ke hadapan untuk sama-sama membantu dan memperkasakan wanita lain, seterusnya menjadi inspirasi sama-sama berjaya.

Dalam pada itu, keunggulannya sebagai pengasas FashionValet (FV), sebagai hab fesyen dalam talian, membuka mata ramai orang bahawa wanita kecil molek ini bukan calang-calang.

Semangat kental dalam mencipta revolusi perniagaan moden dan pada masa sama perlu melunaskan tanggungjawab sebagai



NOOR NEELOFA MOHD NOOR



TENGGU ZATASHAH SULTAN SHARAFUDDIN

isteri dan ibu cukup dikagumi.

Justeru pemilihan, Vivy bersama dua lagi personaliti wanita hebat, iaitu selebriti terkenal yang juga ahli perniagaan, Noor Neelofa @ Neelofa Mohd Noor dan aktivis masyarakat, Tengku Zatashah Sultan Sharafuddin sebagai ikon TMW18 dianggap tepat pada waktunya.

Hampir setiap wanita di negara ini mengenali mereka dan menjadi inspirasi dalam membangunkan bidang masing-masing.



VIVY YUSOF